

D.R. 2/2008

RANG UNDANG-UNDANG AHLI GEOLOGI 2008

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

LEMBAGA AHLI GEOLOGI

3. Penubuhan Lembaga
4. Fungsi dan kuasa Lembaga
5. Meterai perbadanan
6. Keanggotaan Lembaga
7. Tatacara Lembaga
8. Tempoh jawatan
9. Elaun
10. Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan
11. Pengosongan jawatan
12. Pelantikan pengganti bagi anggota
13. Penjalanan sementara fungsi Pengerusi
14. Jawatankuasa
15. Anggota Lembaga tidak menanggung liabiliti
16. Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948
17. Anggota, dsb., disifatkan sebagai pekhidmat awam
18. Penyata, laporan, akaun dan maklumat

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI**Fasal**

19. Daftar
20. Ahli geologi siswazah berdaftar dan ahli geologi profesional berdaftar
21. Amalan oleh pengamal
22. Amalan oleh ahli geologi asing
23. Sekatan terhadap ahli geologi profesional yang tidak berdaftar
24. Kekecualian berkenaan dengan ahli geologi siswazah berdaftar
25. Kekecualian berkenaan dengan pengamal berdaftar
26. Kekecualian berkenaan dengan ahli geologi asing berdaftar
27. Pengemukakan laporan atau kajian geologi
28. Borang dan cara permohonan bagi pendaftaran
29. Pelantikan dan tugas Pendaftar
30. Perakuan pendaftaran
31. Pendaftar hendaklah menyiarkan Daftar dan butir-butir
32. Pemberitahuan mengenai pertukaran alamat

BAHAGIAN IV

PENGGANTUNGAN, PEMBATALAN, PEMOTONGAN DAN KEMASUKAN SEMULA

33. Penggantungan atau pembatalan pendaftaran
34. Pemotongan daripada Daftar
35. Kemasukan semula
36. Perakuan hendaklah dikembalikan

BAHAGIAN V

KESALAHAN DAN PENALTI

37. Pelantikan dan kuasa Inspektor
38. Sekatan ke atas pengambilan khidmat orang yang tidak berdaftar
39. Penalti kerana memperoleh pendaftaran dengan dakwaan palsu, dsb.
40. Kegagalan untuk mematuhi perintah

Fasal

41. Penalti am
42. Persubahatan dan percubaan boleh dihukum sebagai kesalahan
43. Kesalahan oleh pekongsi, ejen atau pekerja
44. Pemulaan pendakwaan
45. Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan
46. Perlindungan Lembaga, dsb.

BAHAGIAN VI

AM

47. Wang Lembaga
48. Rayuan
49. Perwakilan dalam prosiding sivil
50. Peraturan-peraturan
51. Kecualian mengenai hak kerajaan
52. Pencegahan anomali

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Ahli Geologi dan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran ahli geologi, pengawalseliaan amalan geologi dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ahli Geologi 2008.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa Akta ini, atau peruntukan yang berlainan dalam Akta ini, di bahagian yang berlainan di Malaysia.

Tafsiran

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"ahli geologi asing" ertinya ahli geologi yang bukan warganegara atau pemastautin tetap Malaysia;

"ahli geologi asing berdaftar" ertinya ahli geologi asing yang didaftarkan di bawah subseksyen 22(3);

"ahli geologi berdaftar" ertinya ahli geologi siswazah berdaftar, ahli geologi profesional berdaftar atau ahli geologi asing berdaftar;

"ahli geologi profesional berdaftar" ertinya ahli geologi profesional yang didaftarkan di bawah subseksyen 20(3);

"ahli geologi siswazah berdaftar" ertinya ahli geologi siswazah yang didaftarkan di bawah subseksyen 20(1);

"anggota" ertinya Pengerusi dan mana-mana anggota lain Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 6;

"bahan batuan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 5 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*];

"Daftar" ertinya Daftar Ahli Geologi yang disimpan dan disenggarakan oleh Lembaga di bawah seksyen 19;

"ditetapkan" ertinya ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

"Inspektor" ertinya seseorang pegawai yang dilantik di bawah subseksyen 37(1);

"Institut" ertinya Institut Geologi Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*] dan termasuk mana-mana institut, badan atau pertubuhan yang menggantikannya yang diluluskan oleh Menteri;

"jawatankuasa" ertinya sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 14;

"Lembaga" ertinya Lembaga Ahli Geologi yang ditubuhkan di bawah subseksyen 3(1);

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pembangunan mineral dan geosains;

"mineral" ertinya apa-apa bahan, sama ada dalam bentuk pepejal, cecair atau gas, yang terjadi—

- (a) dengan cara semula jadi;
- (b) hasil daripada pelombongan di dalam atau di atas tanah; atau
- (c) hasil daripada pelombongan di dalam atau di bawah laut atau dasar laut,

yang terbentuk oleh atau tertakluk kepada suatu proses geologi, tetapi tidak termasuk air, bahan batuan dan petroleum;

"Pendaftar" ertinya Pendaftar Ahli Geologi yang dilantik di bawah seksyen 29;

"pengamal" ertinya orang yang disebut dalam subseksyen 21(1);

"pengamal berdaftar" ertinya seseorang yang didaftarkan di bawah subseksyen 21(1);

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(a) atau 6(2)(a), mengikut mana-mana yang berkenaan;

"perkhidmatan geologi" ertinya pemberian nasihat dan perkhidmatan geologi berkenaan dengan semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) kajian kebolehlaksanaan;
- (b) perancangan;
- (c) survei geologi;
- (d) pelaksanaan, pentauliahan, pengendalian, penyenggaraan dan pengurusan kerja-kerja atau projek survei geologi; dan
- (e) apa-apa perkhidmatan lain yang diluluskan oleh Lembaga;

"petroleum" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Perlombongan Petroleum 1966 [Akta 95];

"tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh yang ditetapkan di bawah subseksyen 1(2).

(2) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai membenarkan amalan kejuruteraan di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 [Akta 138] oleh seseorang ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar.

BAHAGIAN II

LEMBAGA AHLI GEOLOGI

Penubuhan Lembaga

3. (1) Maka ditubuhkan suatu pertubuhan perbadanan bernama "Lembaga Ahli Geologi".

(2) Lembaga hendaklah kekal turun-temurun.

(3) Lembaga boleh mendakwa dan didakwa atas nama perbadanannya.

Fungsi dan kuasa Lembaga

4. (1) Lembaga hendaklah mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:

- (a) melaksanakan tugas dan fungsi dan menjalankan kuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini;
- (b) dengan kelulusan Menteri, menentukan skala fi yang akan dikenakan oleh ahli geologi profesional berdaftar, ahli geologi asing berdaftar dan pengamal berdaftar bagi perkhidmatan geologi yang diberikan;
- (c) menentukan dan mengawal selia kelakuan dan etika profesional profesion geologi;
- (d) mendengar dan menentukan pertikaian yang berhubungan dengan kelakuan atau etika profesional ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar, atau menubuhkan suatu jawatankuasa atau melantik seorang penimbang tara untuk mendengar dan menentukan pertikaian itu;

- (e) mewakili profesion geologi dalam apa-apa perkara yang perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian;
- (f) memeriksa dan, jika difikirkan perlu, membuat laporan tentang apa-apa perkara tempatan yang dikemukakan kepadanya dan membuat syor kepada Kerajaan atau kepada mana-mana pihak berkuasa awam, pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun atau kepada mana-mana institut, badan atau pertubuhan yang pada pendapat Lembaga mewakili profesion geologi;
- (g) menimbangkan dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang yang berhubungan dengan survei geologi;
- (h) menjalankan peperiksaan bagi penerimaan masuk ke dalam profesion geologi;
- (i) melantik orang untuk mewakili profesion geologi dalam mana-mana badan atau panel pemeriksa yang boleh dilantik oleh mana-mana institut, badan atau pertubuhan yang pada pendapat Lembaga mewakili profesion geologi;
- (j) membuat syor berhubung dengan apa-apa peperiksaan supaya layak diterima masuk ke dalam profesion geologi;
- (k) mengadakan atau menyebabkan supaya diadakan program pembangunan profesional bagi ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka dalam pembangunan terkini yang berhubungan dengan profesion geologi;
- (l) memberikan biasiswa dan kemudahan lain bagi menggalakkan pembelajaran dan pendidikan yang berkaitan dengan geologi; dan
- (m) melakukan apa-apa benda lain sebagaimana yang difikirkannya patut untuk membolehkannya melaksanakan fungsinya dengan berkesan atau yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

(2) Lembaga hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi, atau yang berkaitan dengan, atau yang semunasabahnya bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah subseksyen (1).

(3) Tanpa menjejaskan kuasa am yang diberikan oleh subseksyen (2) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) untuk membeli atau memajak mana-mana tanah atau bangunan sebagaimana yang diperlukan bagi penjalanan sepatutnya fungsinya di bawah Akta ini;
- (b) tertakluk kepada subseksyen (4), untuk meminjam atau memperdapatkan wang melalui overdraf bank atau selainnya bagi maksud yang dinyatakan dalam perenggan (a); dan
- (c) untuk memajakkan, melupuskan atau selainnya membuat urusan mengenai mana-mana harta tak alih Lembaga.

(4) Lembaga tidak boleh meminjam atau memperdapatkan wang dengan apa-apa cara tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan.

Meterai perbadanan

5. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai perbadanan yang hendaklah mengandungi suatu tanda yang diluluskan oleh Lembaga.

(2) Meterai perbadanan itu boleh dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baru sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(3) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cap yang mengandungi perkataan "Lembaga Ahli Geologi" bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan Lembaga.

(4) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau seorang anggota Lembaga.

(5) Meterai perbadanan itu hendaklah dicapkan di hadapan Pengerusi dan seorang anggota Lembaga yang lain dan Pengerusi dan anggota itu hendaklah menandatangani tiap-tiap surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang padanya meterai perbadanan itu dicapkan.

(6) Segala surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan itu dan disahkan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (5) hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(7) Apa-apa surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan, boleh disempurnakan mengikut cara yang serupa oleh Pengerusi atau seorang anggota Lembaga bagi pihak Lembaga.

(8) Meterai perbadanan Lembaga hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Keanggotaan Lembaga

6. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah merupakan warganegara Malaysia dan hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah merupakan seorang ahli geologi profesional berdaftar;
- (b) seorang wakil Institut;
- (c) lima orang anggota yang hendaklah merupakan ahli geologi profesional berdaftar dalam perkhidmatan awam atau dalam perkhidmatan mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun;
- (d) lima orang anggota yang hendaklah merupakan ahli geologi profesional berdaftar yang menjalankan amalan persendirian atau dalam pengajian sepenuh masa mana-mana orang atau kumpulan orang selain perkhidmatan awam atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun; dan
- (e) dua orang yang, pada pendapat Menteri, dapat menyumbang kepada pemajuan profesion.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Lembaga yang pertama hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah

merupakan warganegara Malaysia dan hendaklah dilantik oleh Menteri:

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah merupakan seorang yang layak untuk didaftarkan sebagai ahli geologi profesional berdaftar;
- (b) seorang wakil Institut;
- (c) lima orang anggota yang hendaklah merupakan orang yang layak untuk didaftarkan sebagai ahli geologi profesional berdaftar dan yang berada dalam perkhidmatan awam atau dalam perkhidmatan mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun;
- (d) lima orang anggota yang hendaklah merupakan orang yang layak untuk didaftarkan sebagai ahli geologi profesional berdaftar dan yang menjalankan amalan persendirian atau dalam penggajian sepenuh masa mana-mana orang atau kumpulan orang selain perkhidmatan awam atau mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun; dan
- (e) dua orang yang, pada pendapat Menteri, dapat menyumbang kepada pemajuan profesion.

(3) Bagi maksud perenggan (1)(c) dan (d) dan (2)(c) dan (d), Institut boleh menamakan ahli geologi profesional berdaftar yang sesuai atau orang yang sesuai yang layak untuk didaftarkan sebagai ahli geologi profesional berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk pertimbangan Menteri.

(4) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (3) boleh ditafsirkan sebagai menghendaki Menteri untuk melantik anggota yang disebut dalam perenggan 1(c) dan 2(c) daripada senarai penama yang dikemukakan oleh Institut.

(5) Orang yang berikut tidak layak untuk dilantik menganggotai Lembaga:

- (a) seseorang yang tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajibannya;
- (b) seseorang yang bankrap; dan

- (c) seseorang yang telah disabitkan dengan suatu kesalahan oleh mahkamah dan dihukum dengan pemenjaraan bagi tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit.

Tatacara Lembaga

7. (1) Peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi anggota Lembaga.

(2) Menteri boleh meminda Jadual Pertama melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Tempoh jawatan

8. (1) Anggota Lembaga hendaklah setiap seorang dilantik bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun.

(2) Anggota Lembaga layak untuk dilantik semula tetapi tiada anggota boleh memegang jawatan lebih daripada dua tempoh berturut-turut.

Elaun

9. Semua anggota Lembaga hendaklah dibayar elaun pada kadar yang ditentukan oleh Menteri.

Pembatalan pelantikan dan peletakan jawatan

10. (1) Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pelantikan mana-mana anggota Lembaga tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(2) Seseorang anggota Lembaga boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberikan notis secara bertulis kepada Menteri.

Pengosongan jawatan

11. Jawatan seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong—

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan—
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan rasuah; atau
 - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai seorang anggota Lembaga atau selainnya, ialah kelakuan yang memburukkan nama Lembaga;
- (d) jika dia menjadi bankrap;
- (e) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya;
- (f) dalam hal Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis Menteri;
- (g) dalam hal seseorang anggota selain Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran bertulis Pengerusi;
- (h) jika pelantikannya dibatalkan oleh Menteri;
- (i) jika peletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (j) jika pendaftarannya di bawah Akta ini dibatalkan.

Pelantikan pengganti bagi anggota

12. Jika seseorang anggota Lembaga mati atau meletakkan jawatannya atau selainnya mengosongkan jawatannya atau jika pelantikannya dibatalkan, Menteri hendaklah, dengan seberapa

segera yang dapat dilaksanakan, melantik seorang anggota baru untuk menggantikannya dan anggota yang dilantik itu hendaklah memegang jawatan bagi baki tempoh pelantikan anggota yang digantinya itu.

Penjalanan sementara fungsi Pengerusi

13. (1) Menteri boleh melantik mana-mana anggota untuk bertindak sebagai Pengerusi—

- (a) dalam apa-apa tempoh apabila jawatan Pengerusi kosong;
- (b) dalam apa-apa tempoh apabila Pengerusi tidak hadir bertugas atau tidak berada di Malaysia; atau
- (c) dalam apa-apa tempoh apabila Pengerusi, kerana apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan tugas jawatannya.

(2) Sehingga suatu pelantikan di bawah subseksyen (1) dibuat atau jika tiada pelantikan sedemikian atau jika Pengerusi tidak hadir pada mana-mana mesyuarat Lembaga, Lembaga hendaklah memilih seorang daripada anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(c) atau 6(2)(c), mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk melaksanakan fungsi Pengerusi.

(3) Seseorang anggota yang dilantik di bawah subseksyen (1) atau anggota yang disebut dalam subseksyen (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah, sepanjang tempoh dia melaksanakan fungsi Pengerusi di bawah seksyen ini disifatkan sebagai Pengerusi.

(4) Jika pada mana-mana mesyuarat Lembaga baik Pengerusi mahupun orang yang menjalankan fungsi Pengerusi tidak hadir, anggota yang hadir hendaklah memilih seorang daripada kalangan anggota yang hadir itu untuk mempengerusikan mesyuarat itu.

Jawatankuasa

14. (1) Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk membantunya melaksanakan fungsinya di bawah Akta ini kecuali fungsi di bawah seksyen 20, 21, 22, 23, 33, 35 dan 50.

(2) Lembaga boleh memilih mana-mana anggotanya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.

(3) Lembaga boleh melantik mana-mana orang menjadi anggota mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (1).

(4) Seseorang anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang dinyatakan dalam surat pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.

(5) Lembaga boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(6) Seseorang anggota jawatankuasa boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatan dengan memberikan notis secara bertulis kepada pengerusi jawatankuasa itu.

(7) Lembaga boleh pada bila-bila masa memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(8) Sesuatu jawatankuasa boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

(9) Sesuatu jawatankuasa adalah tertakluk kepada dan hendaklah bertindak mengikut apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Lembaga.

(10) Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada masa dan di tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa itu.

(11) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan —

- (a) minit bagi semua mesyuaratnya disimpan dan disenggarakan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
- (b) salinan minit bagi semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan.

(12) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa itu bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.

(13) Anggota sesuatu jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (12) hendaklah dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain yang ditentukan oleh Lembaga selepas berunding dengan Menteri.

(14) Suatu tindakan, perintah atau keputusan sesuatu jawatankuasa hendaklah disifatkan sebagai tindakan, perintah atau keputusan Lembaga.

Anggota Lembaga tidak menanggung liabiliti

15. Tiada seorang pun anggota Lembaga menanggung liabiliti sendiri bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau peninggalan dalam mentadbirkan hal ehwal Lembaga melainkan jika kerugian atau kerosakan itu telah disebabkan secara sengaja atau kerana perbuatan melulu atau kecuaiian melampau.

Pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948

16. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap mana-mana anggota Lembaga, mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa, dan mana-mana ejen atau pekerja Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, kecuaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya dengan suci hati atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya dengan suci hati, atas sifat sedemikian.

Anggota, dsb., disifatkan sebagai pekhidmat awam

17. Tiap-tiap anggota Lembaga atau mana-mana jawatankuasanya atau mana-mana ejen atau pekerja Lembaga, semasa menunaikan kewajipannya sebagai anggota, ejen atau pekerja sedemikian hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

Penyata, laporan, akaun dan maklumat

18. (1) Lembaga hendaklah memberi Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan kegiatan dan kewangannya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri.

(2) Penyata, laporan, akaun dan maklumat yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Lembaga dan apa-apa perkara lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

BAHAGIAN III

PENDAFTARAN AHLI GEOLOGI

Daftar

19. (1) Lembaga hendaklah menyimpan dan menyenggara suatu Daftar Ahli Geologi yang hendaklah terdiri daripada bahagian seperti yang berikut:

- (a) Bahagian A — yang hendaklah mengandungi nama, nombor pendaftaran, alamat perniagaan dan butir-butir lain ahli geologi profesional berdaftar;
- (b) Bahagian B — yang hendaklah mengandungi nama, nombor pendaftaran, alamat perniagaan dan butir-butir lain ahli geologi siswazah berdaftar;
- (c) Bahagian C — yang hendaklah mengandungi nama, nombor pendaftaran, alamat perniagaan dan butir-butir lain pengamal berdaftar; dan
- (d) Bahagian D — yang hendaklah mengandungi nama, nombor pendaftaran, alamat perniagaan dan butir-butir lain ahli geologi asing berdaftar.

(2) Maka hendaklah ditunjukkan bersetentangan dengan nama setiap ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar yang disimpan dalam Daftar kelayakannya dan butir-butir tentang apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

Ahli geologi siswazah berdaftar dan ahli geologi profesional berdaftar

20. (1) Mana-mana orang yang memegang kelayakan yang diluluskan oleh Lembaga berhak untuk didaftarkan sebagai seorang ahli geologi siswazah berdaftar apabila memohon.

(2) Seseorang yang didaftarkan sebagai seorang ahli geologi siswazah berdaftar di bawah subseksyen (1) dikehendaki memperoleh pengalaman amali sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga dan lulus peperiksaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga supaya berhak untuk memohon didaftarkan sebagai seorang ahli geologi profesional berdaftar di bawah subseksyen (3).

(3) Orang yang berikut berhak untuk didaftarkan sebagai ahli geologi profesional berdaftar apabila memohon:

(a) seseorang yang—

(i) didaftarkan sebagai seorang ahli geologi siswazah berdaftar; dan

(ii) telah memperoleh pengalaman amali yang diluluskan oleh Lembaga dan telah lulus peperiksaan yang ditentukan oleh Lembaga di bawah subseksyen (2);

(b) mana-mana orang yang walaupun tidak memegang kelayakan yang dikehendaki oleh Lembaga di bawah subseksyen (1)—

(i) memegang ijazah dalam bidang geologi yang tidak diluluskan oleh Lembaga;

(ii) telah lulus peperiksaan yang dijalankan oleh Lembaga; dan

(iii) telah memperoleh pengalaman amali yang diluluskan oleh Lembaga; dan

(c) seseorang yang memegang ijazah geologi atau kelayakan lain yang difikirkan oleh Lembaga setara dengannya dan yang memuaskan hati Lembaga bahawa dia telah menjalankan amalan atau menjalankan urusan atau telah diguna khidmat sebagai ahli geologi sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan dan telah memohon untuk pendaftaran dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh itu.

(4) Hanya warganegara atau pemastautin tetap Malaysia layak untuk didaftarkan sebagai ahli geologi siswazah berdaftar atau ahli geologi profesional berdaftar.

(5) Seseorang yang mahu supaya didaftarkan sebagai ahli geologi siswazah berdaftar atau ahli geologi profesional berdaftar boleh memohon kepada Lembaga dan permohonan itu hendaklah disokong dengan bukti dokumentar bahawa dia memiliki kelayakan yang dikehendaki di bawah seksyen ini.

(6) Lembaga boleh, semasa meluluskan pendaftaran di bawah seksyen ini, mengenakan apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(7) Pengerusi hendaklah memberitahu pemohon tentang keputusan Lembaga dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh permohonan diterima.

(8) Tiada seorang pun berhak untuk didaftarkan sebagai seorang ahli geologi profesional berdaftar jika pada bila-bila masa sebelum pendaftarannya wujud apa-apa fakta atau hal keadaan yang memberi hak kepada Lembaga untuk membatalkan pendaftarannya.

(9) Subseksyen 35(4) dan 48(1) hendaklah terpakai dengan apa-apa ubahsuaian sebagaimana yang perlu bagi mana-mana orang yang permohonannya untuk pendaftaran telah ditolak di bawah subseksyen (8).

Amalan oleh pengamal

21. (1) Seseorang yang bukan ahli geologi berdaftar dan yang tidak memegang apa-apa kelayakan akademik yang diluluskan oleh Lembaga bagi maksud Akta ini tetapi telah menjalankan amalan atau menjalankan urusan dalam mana-mana bidang geologi yang dinyatakan dalam Jadual Kedua sebelum tarikh yang ditetapkan boleh terus menjalankan amalan dan menjalankan urusan sedemikian dengan syarat dia didaftarkan sebagai seorang pengamal berdaftar di bawah Akta ini dalam tempoh dua belas bulan dari tarikh yang ditetapkan.

(2) Hanya warganegara atau pemastautin tetap Malaysia layak untuk didaftarkan sebagai pengamal berdaftar.

(3) Seseorang yang mahu supaya didaftarkan sebagai pengamal berdaftar boleh memohon kepada Lembaga dan permohonan itu hendaklah disokong dengan bukti dokumentar bahawa dia memiliki kepakaran dan pengalaman yang diperlukan untuk mengamal bidang geologi yang berkenaan.

(4) Lembaga boleh, semasa meluluskan pendaftaran di bawah seksyen ini, mengenakan apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5) Pengerusi hendaklah memberitahu pemohon tentang keputusan Lembaga dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh permohonan diterima.

(6) Jika mana-mana orang sedemikian tidak didaftarkan di bawah Akta ini selepas tempoh yang ditetapkan dalam subseksyen (1), orang itu hendaklah disifatkan sebagai seorang ahli geologi profesional tidak berdaftar dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi orang itu seolah-olah orang itu merupakan ahli geologi profesional tidak berdaftar.

Amalan oleh ahli geologi asing

22. (1) Seseorang yang mahu supaya didaftarkan sebagai seorang ahli geologi asing berdaftar boleh memohon kepada Lembaga dan permohonan itu hendaklah disokong dengan bukti dokumentar bahawa dia memiliki kelayakan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2).

(2) Seseorang ahli geologi asing boleh ditimbangkan bagi pendaftaran sebagai seorang ahli geologi asing berdaftar jika dia memuaskan hati Lembaga bahawa—

(a) dia memiliki kelayakan yang perlu yang diiktiraf bagi amalan geologi sebagai seorang ahli geologi profesional dalam negara tempat dia biasa menjalankan amalan; dan

(b) dia memiliki kepakaran yang diperlukan.

(3) Pengerusi boleh, dengan persetujuan secara bertulis sekurang-kurangnya dua pertiga anggota Lembaga, secara bertulis meluluskan pendaftaran mana-mana ahli geologi asing.

(4) Pengerusi boleh, semasa meluluskan pendaftaran di bawah subseksyen (3), mengenakan apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5) Pengerusi boleh meluluskan pendaftaran seseorang ahli geologi asing bagi suatu tempoh yang tidak melebihi satu tahun kalendar dan boleh membaharui pendaftaran itu mengikut subseksyen (3) sebagaimana yang difikirkannya patut.

(6) Pengerusi hendaklah memberitahu ahli geologi asing itu tentang keputusan Lembaga dalam tempoh sembilan puluh hari dari tarikh permohonan diterima.

(7) Tanpa menjejaskan seksyen 33, Pengerusi boleh, dengan persetujuan secara bertulis dua pertiga anggota Lembaga, membatalkan pendaftaran seseorang ahli geologi asing berdaftar dengan menyampaikan suatu notis bertulis kepada ahli geologi itu tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

(8) Apabila pendaftaran seorang ahli geologi asing berdaftar dibatalkan di bawah subseksyen (7), ahli geologi asing yang berkenaan hendaklah berhenti menjalankan apa-apa hak atau keistimewaan yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini tetapi dia berhak mendapatkan di mana-mana mahkamah apa-apa fi, caj, saaraan atau balasan dalam apa-apa bentuk lain bagi perkhidmatan yang diberikannya sebelum tarikh penerimaan notis daripada Pengerusi membatalkan pendaftarannya.

Sekatan terhadap ahli geologi profesional yang tidak berdaftar

23. (1) Tertakluk kepada seksyen 24, 25 dan 26, tiada seorang pun boleh melainkan jika dia seorang ahli geologi profesional berdaftar—

- (a) menjalankan amalan, menjalankan urusan atau bekerja sebagai ahli geologi;
- (b) mengemukakan dirinya sebagai ahli geologi di bawah apa-apa nama, gaya atau gelaran—
 - (i) yang mengandungi perkataan "ahli geologi profesional", "ahli geologi" atau yang setara dengannya dalam apa-apa bahasa lain; atau

- (ii) yang mengandungi apa-apa perkataan lain dalam apa-apa bahasa yang boleh semunasabahnya ditafsirkan sebagai membayangkan bahawa dia seorang ahli geologi profesional atau seorang ahli geologi;
- (c) berhak untuk menyifatkan dirinya sebagai seorang "ahli geologi profesional" dan menggunakan singkatan "P.Geol." selepas namanya atau dengan apa-apa cara berkaitan dengan namanya;
- (d) menggunakan atau mempamerkan apa-apa tanda, papan tanda, kad atau alat lain yang menggambarkan atau membayangkan bahawa dia seorang ahli geologi profesional atau seorang ahli geologi; atau
- (e) berhak mendapatkan di mana-mana mahkamah apa-apa fi, caj, saraan atau balasan dalam apa-apa bentuk lain bagi apa-apa perkhidmatan geologi yang diberikan.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Kekecualian berkenaan dengan ahli geologi siswazah berdaftar

24. Walau apa pun subseksyen 23(1), seseorang ahli geologi siswazah berdaftar boleh, dengan kelulusan bertulis Lembaga, bekerja sebagai ahli geologi dan sekatan tentang penggunaan perkataan "ahli geologi" yang disebut dalam subseksyen 23(1) tidaklah terpakai baginya setakat pekerjaannya atas sifat sedemikian.

Kekecualian berkenaan dengan pengamal berdaftar

25. Kecuali bagi sekatan terhadap penggunaan perkataan "ahli geologi profesional" yang disebut dalam subseksyen 23(1), sekatan dalam seksyen itu tidaklah terpakai kepada seorang pengamal berdaftar.

Kekecualian berkenaan dengan ahli geologi asing berdaftar

26. (1) Walau apa pun seksyen 23(1), seseorang ahli geologi asing berdaftar yang dibenarkan secara bertulis oleh Pengerusi boleh melakukan apa-apa perbuatan atau benda yang ahli geologi asing itu dilarang melakukannya atau tidak berhak untuk melakukannya.

(2) Seseorang ahli geologi asing berdaftar yang melakukan apa-apa perbuatan atau benda di bawah dan mengikut kebenaran yang diberikan di bawah subseksyen (1) hendaklah, walau apa pun apa-apa peruntukan Akta ini yang bertentangan, disifatkan sebagai dibenarkan atau berhak untuk melakukan perbuatan atau benda itu.

Pengemukakan laporan dan kajian geologi

27. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain, tiada seorang pun selain ahli geologi profesional berdaftar, ahli geologi asing berdaftar atau pengamal berdaftar yang bermastautin dan mengamal di Malaysia berhak menyediakan dan mengemukakan kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa di Malaysia laporan dan kajian geologi berhubung dengan perkhidmatan geologi dalam apa-apa bidang geologi yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Hak seseorang ahli geologi profesional berdaftar, ahli geologi asing berdaftar atau pengamal berdaftar untuk menyediakan dan mengemukakan laporan dan kajian geologi kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa di Malaysia hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan sebagaimana yang dikenakan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (2) melakukan suatu kesalahan.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang mana-mana ahli geologi dalam perkhidmatan awam atau dalam perkhidmatan mana-mana pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun daripada mengemukakan laporan atau kajian geologi kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa di Malaysia.

(5) Menteri boleh meminda peruntukan dalam Jadual Kedua melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

(6) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh ditafsirkan sebagai bererti bahawa perkhidmatan geologi adalah perlu bagi amalan kejuruteraan bagi apa-apa maksud melainkan jika diminta secara khusus oleh seseorang jurutera profesional.

Borang dan cara permohonan bagi pendaftaran

28. Semua permohonan bagi pendaftaran di bawah Akta ini hendaklah dibuat kepada Lembaga dalam borang dan mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan.

Pelantikan dan tugas Pendaftar

29. Lembaga boleh melantik seorang Pendaftar Ahli Geologi yang hendaklah berada di bawah kawalan dan arahan am Lembaga dan yang tugasnya hendaklah termasuk—

- (a) menandatangani semua perakuan pendaftaran dan perintah Lembaga; dan
- (b) merekodkan semua catatan pendaftaran, penggantungan, pembatalan, pemotongan dan kemasukan semula dalam Daftar.

Perakuan pendaftaran

30. (1) Apabila menerima fi yang ditetapkan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan kepada pemohon yang permohonannya telah diluluskan oleh Lembaga suatu perakuan pendaftaran dalam bentuk yang ditetapkan.

(2) Tiap-tiap perakuan pendaftaran hendaklah tamat tempohnya pada 31 Disember tahun perakuan pendaftaran itu dikeluarkan dan hendaklah selepas itu boleh dibaharui secara tahunan setelah dibayar fi yang ditetapkan.

(3) Dalam apa-apa prosiding, sesuatu perakuan pendaftaran hendaklah menjadi bukti muktamad bahawa orang yang dinamakan dalamnya didaftarkan di bawah Akta ini.

Pendaftar hendaklah menyiarkan Daftar dan butir-butir

31. (1) Pendaftar hendaklah dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan menyiarkan, dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian dalam bahasa kebangsaan dan satu dalam bahasa Inggeris yang mempunyai edaran seluruh negara, nama, nombor pendaftaran, alamat perniagaan dan butir-butir lain mengenai mana-mana ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar yang pendaftarannya telah digantung, dibatalkan, dipotong atau dimasukkan semula.

(2) Pendaftar boleh menyiarkan secara tahunan dan menawarkan untuk jualan salinan Daftar.

Pemberitahuan mengenai pertukaran alamat

32. (1) Tiap-tiap ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar hendaklah memberitahu Pendaftar mengenai apa-apa pertukaran alamat perniagaannya dalam masa enam puluh hari dari tarikh pertukaran itu.

(2) Seseorang ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar yang tanpa alasan yang munasabah tidak memberikan pemberitahuan yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit.

BAHAGIAN IV

PENGANTUNGAN, PEMBATALAN, PEMOTONGAN
DAN KEMASUKAN SEMULA**Penggantungan atau pembatalan pendaftaran**

33. (1) Lembaga boleh mengenakan mana-mana sanksi yang diperuntukkan di bawah subseksyen (2) terhadap mana-mana ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar di bawah mana-mana hal keadaan yang berikut:

- (a) jika dia telah disabitkan atas apa-apa kesalahan yang melibatkan fraud atau kecurangan atau keburukan akhlak di Malaysia atau di tempat lain;
- (b) jika dia menawarkan atau menerima apa-apa komisen yang pada pendapat Lembaga merupakan suatu komisen haram;

- (c) jika semasa bertindak atas sifat profesionalnya, dia pada masa yang sama tanpa mendedahkan fakta itu secara bertulis kepada pelanggannya, merupakan seorang pengarah atau anggota atau pemegang syer substantial dalam atau ejen bagi mana-mana syarikat, firma atau perniagaan, atau mempunyai apa-apa kepentingan kewangan dalam syarikat, firma atau perniagaan, yang dengannya dia berurusan bagi pihak pelanggannya;
 - (d) jika pendaftarannya di bawah Akta ini telah diperoleh dengan cara fraud atau salah nyataan atau disebabkan oleh apa-apa kesilapan atau kekhilafan yang dibuat oleh Lembaga dalam menimbangkan permohonan bagi pendaftaran;
 - (e) jika kelayakannya di bawah seksyen 20 telah ditarik balik atau dibatalkan oleh pihak berkuasa yang melaluinya kelayakan itu diperoleh atau yang olehnya kelayakan itu diawardkan;
 - (f) jika kebenaran di bawah subseksyen 26(1) telah ditarik balik atau dibatalkan;
 - (g) jika dia didapati tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk melaksanakan tugas profesionalnya atau dia menjadi bankrap;
 - (h) jika dia didapati oleh Lembaga telah melanggar Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
 - (i) jika dia tidak mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang tertakluk kepadanya dia didaftarkan;
 - (j) jika dia didapati bersalah oleh Lembaga atas apa-apa perbuatan atau kelakuan yang pada pendapat Lembaga adalah mengaibkan atau keji; atau
 - (k) jika dia tidak menunaikan kewajipan profesionalnya dengan kemahiran, ketelitian dan ketekunan yang sewajarnya.
- (2) Bagi maksud subseksyen (1), Lembaga boleh—
- (a) mengeluarkan suatu amaran bertulis atau celaan kepada ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang berkenaan;
 - (b) memerintahkan ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang berkenaan supaya membayar denda yang tidak melebihi lima ribu ringgit;

- (c) memerintahkan penggantungan pendaftaran ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang berkenaan bagi tempoh yang tidak melebihi satu tahun;
- (d) memerintahkan pembatalan pendaftaran ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang berkenaan; atau
- (e) mengenakan apa-apa gabungan sanksi yang dinyatakan dalam perenggan (a) hingga (d) yang sesuai atas ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang berkenaan.

(3) Lembaga tidak boleh membuat perintah di bawah subseksyen (2) melainkan jika—

- (a) suatu pendengaran telah diadakan mengenai alasan aduan terhadap ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang berkenaan yang dikatakan telah menyebabkan, menyumbang kepada atau telah menjadi pihak kepada alasan aduan itu, yang dijalankan oleh sekurang-kurangnya dua pertiga daripada jumlah bilangan anggota Lembaga; dan
- (b) suatu peluang untuk didengar telah diberikan kepada ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang berkenaan itu sendiri atau melalui seorang peguam bela dan peguam cara.

(4) Lembaga boleh, jika difikirkannya patut, menggantung pendaftaran mana-mana ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar bagi suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan sementara menanti selesai apa-apa siasatan oleh Lembaga di bawah Akta ini.

(5) Apabila Lembaga menggantung pendaftaran seseorang ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar di bawah perenggan (2)(c) atau subseksyen (4), atau membatalkan pendaftaran seseorang ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar di bawah perenggan (2)(d) atau subseksyen 40(2), ahli geologi atau pengamal yang berkenaan hendaklah berhenti menjalankan apa-apa hak atau keistimewaan yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini tetapi dia berhak mendapatkan di mana-mana mahkamah apa-apa fi, caj, saraan atau balasan dalam apa-apa bentuk lain bagi perkhidmatan yang diberikannya sebelum tarikh penerimaan notis daripada Lembaga menggantung atau membatalkan pendaftarannya.

(6) Sesuatu perintah Lembaga di bawah perenggan (2)(c) atau 2(d) atau subseksyen (4) hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, disiarkan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian dalam bahasa kebangsaan dan satu dalam bahasa Inggeris yang mempunyai edaran seluruh negara.

Pemotongan daripada Daftar

34. Maka hendaklah dipotong daripada Daftar nama dan butir-butir lain —

- (a) mana-mana ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang telah meninggal dunia;
- (b) mana-mana ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang tidak membaharui pendaftarannya dalam masa satu bulan dari tarikh tamat tempoh pendaftarannya; atau
- (c) mana-mana ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang pendaftarannya telah dibatalkan.

Kemasukan semula

35. (1) Seseorang ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang namanya telah dipotong daripada Daftar menurut suatu perintah Lembaga di bawah perenggan 33(2)(d) hendaklah, jika rayuannya dibenarkan di bawah seksyen 48, dengan serta-merta dimasukkan semula namanya dan dikeluarkan suatu perakuan pendaftaran kepadanya.

(2) Seseorang ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang namanya telah dipotong daripada Daftar kerana tidak membaharui pendaftarannya bagi suatu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun hendaklah dimasukkan semula namanya sebaik sahaja dia memberitahu Pendaftar tentang hasratnya supaya namanya dimasukkan semula dan setelah dia membayar fi yang ditetapkan.

(3) Seseorang ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang tidak membaharui pendaftarannya bagi suatu tempoh yang melebihi tiga tahun berturut-turut boleh dimasukkan semula namanya jika Lembaga berpuas hati dengan sebab-sebab bagi kemasukan semula dan setelah fi yang ditetapkan dibayar.

(4) Seseorang ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang namanya telah dipotong daripada Daftar menurut suatu perintah Lembaga di bawah perenggan 33(2)(d) dan tidak membuat rayuan terhadap perintah itu atau rayuannya telah ditolak atau ditarik balik boleh memohon kemasukan semula selepas tamat tempoh yang tidak kurang daripada enam bulan dari tarikh perintah pembatalan, atau dari tarikh keputusan rayuan atau dari tarikh rayuan ditarik balik, mengikut mana-mana tarikh yang terkemudian.

(5) Bagi maksud subseksyen (4) Lembaga boleh, setelah menerima permohonan daripada seseorang ahli geologi atau pengamal yang pendaftarannya telah digantung di bawah perenggan 33(2)(c) atau dibatalkan di bawah perenggan 33(2)(d), memasukkan semula pendaftarannya jika Lembaga berpuas hati bahawa—

- (a) sebab yang membawa kepada penggantungan atau pembatalan pendaftaran tidak wujud lagi; dan
- (b) ahli geologi atau pengamal yang berkenaan, pada masa permohonan, mematuhi terma, syarat dan sekatan yang dikenakan oleh Lembaga pada masa pendaftaran asal.

(6) Tanpa menjejaskan subseksyen (1) hingga (5), Lembaga boleh, setelah menerima keterangan yang memuaskan mengenai sebab yang wajar bagi kemasukan semula dan setelah dibayar ganti kepada Lembaga segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Lembaga berbangkit daripada prosiding yang membawa kepada pembatalan pendaftaran dan setelah dibayar fi yang ditetapkan bagi perakuan pendaftaran, mendaftarkan semula ahli geologi atau pengamal yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Dalam memasukkan semula pendaftaran seseorang ahli geologi atau pengamal di bawah seksyen ini, Lembaga boleh mengenakan apa-apa terma, syarat dan sekatan tambahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(8) Sesuatu perintah Lembaga di bawah seksyen ini hendaklah, dengan seberapa segera yang dapat dilaksanakan, disiarkan dalam sekurang-kurangnya satu akhbar harian dalam bahasa kebangsaan dan satu dalam bahasa Inggeris yang mempunyai edaran seluruh negara.

Perakuan hendaklah dikembalikan

36. Seseorang ahli geologi berdaftar atau seseorang pengamal berdaftar yang namanya telah dipotong daripada Daftar hendaklah, dalam masa empat belas hari selepas ahli geologi atau pengamal itu diberitahu melalui pos berdaftar tentang pemotongan itu, menyerahkan balik kepada Lembaga perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepadanya di bawah Akta ini.

BAHAGIAN V .

KESALAHAN DAN PENALTI

Pelantikan dan kuasa Inspektor

37. (1) Menteri boleh melantik daripada kalangan pegawai awam apa-apa bilangan pegawai sebagaimana yang difikirkannya perlu sebagai Inspektor bagi maksud Akta ini.

(2) Fungsi seseorang Inspektor ialah—

- (a) memastikan bahawa ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar mematuhi peruntukan Akta ini;
- (b) menerima dan menimbangkan apa-apa laporan tentang pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan menyiasat laporan itu; dan
- (c) mengesan dan menyiasat—
 - (i) apa-apa kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini;
 - (ii) apa-apa percubaan yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini; atau
 - (iii) apa-apa komplot yang disyaki untuk melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini.

(3) Jika seseorang Inspektor mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan di mana-mana premis atau berkaitan dengan apa-apa perniagaan yang dijalankan dalam mana-mana premis, dia hendaklah memohon kepada Majistret bagi mendapatkan suatu waran yang memberi kuasa kepadanya untuk masuk dan menggeledah premis yang berkenaan.

(4) Jika seseorang Majistret mendapati, berdasarkan maklumat bertulis bersumpah dan selepas apa-apa siasatan yang didapati perlu oleh Majistret itu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan di bawah Akta ini sedang atau telah dilakukan di mana-mana premis, Majistret itu boleh mengeluarkan waran memberi kuasa mana-mana Inspektor yang dinamakan di dalam waran itu untuk masuk ke dalam premis itu pada bila-bila masa yang munasabah dan menggeledah dan memeriksa premis itu dan memeriksa, membuat salinan, mengambil cabutan daripada atau menyita apa-apa buku, dokumen atau benda lain yang dijumpai di premis itu yang dengan semunasabahnya dipercayai memberikan keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(5) Seseorang Inspektor yang menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (4) boleh menghendaki mana-mana orang yang menjalankan atau menguruskan apa-apa perniagaan di premis yang berkenaan mengemukakan untuk pemeriksaan Inspektor apa-apa perakuan pendaftaran yang dikeluarkan kepada orang itu atau, dalam hal seseorang pekerja, yang dikeluarkan kepada majikannya di bawah Akta ini.

(6) Seseorang Inspektor yang menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (4) hendaklah mengisytiharkan jawatannya dan mengemukakan kepada orang yang terhadapnya Inspektor itu bertindak atau yang daripadanya Inspektor itu menghendaki apa-apa maklumat kad kuasanya yang diarahkan oleh Menteri supaya dibawa oleh Inspektor itu.

(7) Seseorang Inspektor yang menjalankan kuasanya di bawah subseksyen (4) boleh membawa bersamanya orang dan kelengkapan yang didapatinya perlu.

(8) Jika apa-apa buku, dokumen atau benda lain disita di bawah subseksyen (4), Inspektor yang menyita hendaklah menyediakan senarai benda yang disita dan dengan serta-merta menyerahkan sesalinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang digeledah atau kepada ejen atau pekerjanya di premis itu dan jika premis itu tidak dihuni, Inspektor yang menyita hendaklah bilamana boleh melekatkan senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

(9) Seseorang yang menghalang atau merintangai seseorang Inspektor dalam menjalankan tugasnya di bawah Akta ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Sekatan ke atas pengambilan khidmat orang yang tidak berdaftar

38. (1) Tiada seorang pun boleh mengambil khidmat seseorang yang tidak berdaftar di bawah Akta ini untuk memberikan apa-apa perkhidmatan geologi yang di bawah Akta ini hanya boleh diberikan oleh ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar.

(2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Penalti kerana memperoleh pendaftaran dengan dakwaan palsu, dsb.

39. Seseorang yang —

- (a) memperoleh atau cuba untuk memperoleh pendaftaran atau perakuan pendaftaran di bawah Akta ini dengan secara sedar membuat atau menghasilkan atau menyebabkan supaya dibuat atau dihasilkan apa-apa akuan, perakuan, permohonan atau representasi palsu atau tipuan sama ada secara bertulis atau selainnya;
- (b) dengan sengaja membuat atau menyebabkan supaya dibuat apa-apa catatan palsu dalam Daftar;
- (c) memalsukan, mengubah atau melancung apa-apa perakuan pendaftaran di bawah Akta ini;
- (d) menggunakan apa-apa perakuan pendaftaran yang dipalsukan, diubah atau dilancung di bawah Akta ini dengan mengetahui bahawa perakuan itu telah dipalsukan, diubah atau dilancung;
- (e) menyamar sebagai seorang ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar;

- (f) membeli atau secara fraud memperoleh suatu perakuan pendaftaran di bawah Akta ini yang dikeluarkan kepada orang lain; atau
- (g) menjual apa-apa perakuan pendaftaran yang dikeluarkan di bawah Akta ini,

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Kegagalan untuk mematuhi perintah

40. (1) Mana-mana orang yang tidak mematuhi perintah Lembaga yang dibuat di bawah seksyen 33 atau keputusan Menteri yang dibuat di bawah seksyen 48 melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit dan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(2) Sebagai tambahan kepada penalti yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1), Lembaga boleh apabila seseorang ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar disabitkan di bawah subseksyen (1) membatalkan dengan serta-merta pendaftaran ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang berkenaan.

Penalti am

41. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini yang baginya tiada penalti diperuntukkan secara nyata boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Persubahatan dan percubaan boleh dihukum sebagai kesalahan

42. (1) Seseorang yang bersubahat dalam pelakuan atau yang cuba melakukan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini melakukan kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

(2) Seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan bagi atau bagi membantu pelakuan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini melakukan kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu tetapi apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan tidak boleh melebihi satu per dua daripada tempoh maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Kesalahan oleh pekongsi, ejen atau pekerja

43. Seseorang yang boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti di bawah Akta ini bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan olehnya sendiri boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama jika perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pekerjanya melainkan jika dia membuktikan—

- (a) bahawa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
- (b) bahawa dia telah mengambil segala langkah yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mencegah perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran itu.

Pemulaan pendakwaan

44. Tiada pendakwaan berkenaan dengan mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan

45. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, Mahkamah Majistret Kelas Pertama hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan mengenakan hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan itu.

Perlindungan Lembaga, dsb.

46. (1) Tiada tindakan atau pendakwaan boleh dibawa, dimulakan atau disenggarakan dalam mana-mana mahkamah terhadap Lembaga, seseorang anggota Lembaga, Pendaftar, seseorang Inspektor atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa untuk bertindak untuk atau bagi pihak Lembaga untuk atau atas sebab atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan yang diarahkan atau yang dilakukan bagi maksud melaksanakan Akta ini.

(2) Seksyen ini tidak terpakai bagi kuasa yang diberikan kepada Lembaga di bawah subseksyen 4(3) atau bagi apa-apa kuasa untuk membuat kontrak yang dijalankan oleh Lembaga.

BAHAGIAN VI

AM

Wang Lembaga

47. (1) Semua wang daripada fi dan caj yang kena dibayar kepada Lembaga di bawah Akta ini hendaklah dibayar kepada Lembaga.

(2) Wang yang diterima oleh Lembaga di bawah Akta ini hendaklah digunakan seperti yang berikut:

- (a) untuk membayar belanja pendaftaran dan apa-apa belanja lain yang dilakukan dalam pentadbiran Akta ini, termasuklah apa-apa belanja Lembaga yang boleh dibenarkan di bawah apa-apa peraturan yang dibuat di bawah Akta ini; dan
- (b) untuk mengadakan biasiswa dan untuk menggalakkan pembelajaran dan pendidikan dalam bidang geologi.

(3) Wang yang tidak diperlukan dengan segera oleh Lembaga boleh dilaburkan dalam sekuriti pemegang amanah yang boleh ditentukan oleh Lembaga selepas berunding dengan Menteri atau disimpan sebagai simpanan tetap dalam bank yang boleh ditentukan oleh Lembaga selepas berunding dengan Menteri.

Rayuan

48. (1) Mana-mana ahli geologi berdaftar atau pengamal berdaftar yang—

- (a) telah ditolak pendaftarannya oleh Lembaga;
- (b) telah didaftarkan tetapi tidak berpuas hati dengan apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Lembaga di bawah Akta ini;
- (c) setelah didaftarkan telah dipotong namanya daripada Daftar menurut perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah seksyen 33; atau
- (d) tidak berpuas hati dengan apa-apa perintah yang dibuat oleh Lembaga di bawah seksyen 33,

boleh, dalam masa dua puluh satu hari setelah diberitahu sedemikian, merayu kepada Menteri, yang kemudiannya hendaklah membuat keputusan.

(2) Notis rayuan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat secara bertulis dan sesalinan notis rayuan itu hendaklah dihantar kepada Pengerusi.

(3) Keputusan Menteri tentang sesuatu rayuan di bawah subseksyen (1) adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

Pewakilan dalam prosiding sivil

49. Walau apa pun dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain—

- (a) dalam apa-apa prosiding sivil oleh atau terhadap Lembaga; atau
- (b) dalam apa-apa prosiding sivil yang lain yang Lembaga dikehendaki atau dibenarkan oleh mahkamah untuk diwakili, atau untuk didengar, atau selainnya berhak untuk diwakili atau didengar,

mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga bagi maksud itu boleh, bagi pihak Lembaga, memulakan prosiding itu atau hadir dalam prosiding itu dan boleh membuat semua kehadiran dan permohonan dan melakukan segala perbuatan berkenaan dengan prosiding itu bagi pihak Lembaga.

Peraturan-peraturan

50. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) menetapkan cara untuk memohon pendaftaran, kebenaran dan kelulusan di bawah Akta ini, butir-butir yang hendaklah dikemukakan oleh pemohon, cara pendaftaran dan pemberian kebenaran, syarat dan sekatan yang hendaklah dikenakan dan bentuk perakuan, kebenaran dan kelulusan;
- (b) menetapkan borang bagi maksud Akta ini;
- (c) menetapkan fi dan caj yang kena dibayar di bawah Akta ini dan cara memungut dan membelanjakan fi dan caj itu;
- (d) mengadakan peruntukan bagi mengawal selia semua atau mana-mana kegiatan Lembaga dan pada amnya pelaksanaan fungsi, penjalanan kuasa dan penunaian kewajipan Lembaga di bawah Akta ini; dan
- (e) mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara lain yang dimaksudkan oleh, atau yang perlu bagi melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini dan bagi pentadbirannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh menetapkan bahawa apa-apa perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan itu menjadi suatu kesalahan dan boleh menetapkan hukuman denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan itu.

Kecualian mengenai hak kerajaan

51. Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini terpakai bagi apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh atau di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri.

Pencegahan anomali

52. (1) Menteri boleh, setelah berunding dengan Lembaga, bilamana difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk berbuat demikian, sama ada bagi maksud menghapuskan kesulitan atau mencegah anomali berbangkit daripada pembuatan Akta ini, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa ubah suaian kepada mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang sedia ada yang difikirkannya patut.

(2) Menteri tidak boleh menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1) selepas tamat tempoh dua tahun dari tarikh yang ditetapkan.

(3) Dalam seksyen ini, "ubah suaian" termasuklah pindaan, penambahan, pemotongan, penggantian, penyesuaian, perubahan, pengubahan dan ketidakpakaian mana-mana peruntukan dalam mana-mana undang-undang sedia ada.

JADUAL PERTAMA

[Seksyen 7]

TATACARA LEMBAGA

Mesyuarat

1.(1) Lembaga hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Lembaga.

(3) Lima orang anggota yang daripadanya sekurang-kurangnya dua orang hendaklah merupakan anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(c) atau 6(2)(c) dan sekurang-kurangnya dua orang hendaklah merupakan anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(1)(d) atau 6(2)(d) yang hadir pada mana-mana mesyuarat Lembaga hendaklah membentuk kuorum.

(4) Tiap-tiap anggota Lembaga yang hadir berhak kepada satu undi.

(5) Jika tentang sesuatu persoalan untuk ditentukan oleh Lembaga terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat

2. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Lembaga bagi maksud menasihatinnya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkannya, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) boleh dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Lembaga.

Minit

3. (1) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya minit kesemua mesyuaratnya disimpan dan disenggarakan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga hendaklah, jika ditandatangani dengan sewajarnya, diterima sebagai keterangan dalam semua prosiding undang-undang sebagai keterangan prima facie mengenai fakta yang dinyatakan di dalamnya tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang berkenaan dengan prosidingnya minit telah dibuat mengikut subperenggan (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan semua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

Tatacara

4. Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga boleh mengawal selia tatacaranya sendiri.

Pendedahan kepentingan

5. (1) Seseorang anggota Lembaga yang, secara langsung atau tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya, apa-apa kepentingan dalam mana-mana syarikat atau perusahaan yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat apa-apa kontrak atau yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana kontrak itu atau dalam apa-apa perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga hendaklah mendedahkan kepada Lembaga fakta dan jenis kepentingannya itu.

(2) Sesuatu pendedahan di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan, selepas pendedahan itu, anggota yang mempunyai kepentingan dalam perkara itu—

(a) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam apa-apa pertimbangtelitian atau keputusan Lembaga; dan

(b) tidak boleh diambil kira bagi maksud membentuk kuorum Lembaga.

(3) Tiada tindakan atau prosiding Lembaga boleh menjadi tidak sah atas alasan bahawa mana-mana anggota Lembaga telah melanggar peruntukan perenggan ini.

Kesahan perbuatan dan prosiding

6. Tiada perbuatan yang dilakukan atau prosiding yang diambil di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada apa-apa kekosongan dalam keanggotaan, atau ada apa-apa kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran peruntukan perenggan 5 oleh mana-mana anggota Lembaga; atau
- (c) ada apa-apa peninggalan, kecacatan atau ketidakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

Anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga

7. Tiap-tiap anggota Lembaga hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipan mereka dengan berkesan.

Setiausaha

8. Lembaga boleh melantik setiausaha Lembaga yang tidak menjadi anggota Lembaga.

JADUAL KEDUA

[Seksyen 21 dan 27]

BIDANG GEOLOGI

- (a) geofizik
- (b) geokimia
- (c) geokronologi
- (d) geologi alam sekitar
- (e) geologi ekonomi
- (f) geologi kejuruteraan
- (g) geologi marin
- (h) geologi petroleum
- (i) geologi rantau
- (j) geologi struktur dan tektonik
- (k) hidrogeologi
- (l) penjarigian dan penjelajahan
- (m) mineralogi
- (n) petrologi
- (o) stratigrafi dan paleontologi
- (p) sains geologi selain yang dinyatakan dalam butiran (a) hingga (o)

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga Ahli Geologi, pendaftaran ahli geologi, pengawalseliaan amalan geologi dan bagi perkara-perkara yang berhubungan dengannya.

BAHAGIAN I

2. Bahagian I Rang Undang-Undang mengandungi perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* Rang Undang-Undang mengandungi tajuk ringkas dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* Rang Undang-Undang mengandungi takrif beberapa ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan Lembaga Ahli Geologi.
6. *Fasal 3* Rang Undang-Undang mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga manakala *fasal 4* dan *5* masing-masing memperkatakan fungsi dan kuasa dan mengadakan peruntukan bagi meterai perbadanan.
7. *Fasal 6* Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan mengenai keanggotaan Lembaga.
8. *Fasal 8* hingga *13* Rang Undang-Undang mengadakan peruntukan bagi tempoh jawatan, elaun dan perkara pentadbiran lain berhubung dengan anggota Lembaga.
9. *Fasal 14* Rang Undang-Undang memberi Lembaga kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa untuk membantu Lembaga melaksanakan fungsinya di bawah Akta yang dicadangkan kecuali bagi fungsi tertentu yang dinyatakan.
10. *Fasal 15* Rang Undang-Undang memperkatakan perihal anggota Lembaga tidak menanggung liabiliti.
11. *Fasal 16* Rang Undang-Undang memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 hendaklah terpakai bagi Lembaga.
12. *Fasal 17* Rang Undang-Undang menyifatkan anggota Lembaga dan pekerja dan ejen Lembaga sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan.
13. *Fasal 18* Rang Undang-undang menghendaki Lembaga mengemukakan penyata, laporan, akaun dan maklumat kepada Menteri dan pihak berkuasa awam lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Menteri.

BAHAGIAN III

14. Bahagian III Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pendaftaran ahli geologi.

15. *Fasal 19* Rang Undang-Undang mengadakan peruntukan mengenai penyimpanan dan penyenggaraan suatu Daftar Ahli Geologi.

16. *Fasal 20* hingga *22* Rang Undang-Undang masing-masing mengadakan peruntukan tentang pendaftaran ahli geologi siswazah, ahli geologi profesional, pengamal dan ahli geologi asing.

17. *Fasal 23* Rang Undang-Undang mengenakan sekatan terhadap ahli geologi profesional yang tidak berdaftar yang menjalankan amalan sebagai ahli geologi.

18. *Fasal 24* hingga *26* masing-masing memperkatakan kekecualian berkenaan dengan ahli geologi siswazah berdaftar, pengamal berdaftar dan ahli geologi asing berdaftar.

19. *Fasal 27* Rang Undang-Undang memperuntukkan bahawa hanya ahli geologi professional berdaftar, ahli geologi asing berdaftar atau pengamal berdaftar yang bermastautin dan menjalankan amalan di Malaysia berhak untuk menyediakan dan mengemukakan laporan atau kajian geologi yang berhubungan dengan amalan geologi dalam bidang geologi yang dinyatakan di bawah Akta yang dicadangkan.

20. *Fasal 28* Rang Undang-Undang memperkatakan borang dan cara bagi membuat permohonan pendaftaran di bawah Akta yang dicadangkan.

21. *Fasal 29* Rang Undang-Undang mengadakan peruntukan mengenai pelantikan seorang Pendaftar dan menyatakan tugasnya.

22. *Fasal 30* Rang Undang-Undang memperkatakan pengeluaran perakuan pendaftaran.

23. *Fasal 31* Rang Undang-Undang memperkatakan penyiaran salinan Daftar dan butir-butir lain oleh Pendaftar.

24. *Fasal 32* Rang Undang-Undang menghendaki tiap-tiap ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar memberitahu Pendaftar mengenai apa-apa pertukaran alamat atau perniagaannya dalam masa enam puluh hari dari tarikh pertukaran itu.

BAHAGIAN IV

25. Bahagian IV Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penggantungan, pembatalan, pemotongan dan kemasukan semula pendaftaran.

26. *Fasal 33* Rang Undang-Undang menetapkan alasan bagi penggantungan dan pembatalan pendaftaran.

27. *Fasal 34* Rang Undang-Undang menetapkan alasan bagi pemotongan nama dan butir-butir lain mana-mana ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar daripada Daftar manakala *fasal 35* mengadakan peruntukan bagi kemasukan semula ahli geologi berdaftar dan pengamal berdaftar dalam Daftar.

BAHAGIAN V

28. Bahagian V Rang Undang-Undang mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pelantikan dan kuasa Inspektor, kesalahan dan penalti, pemulaan pendakwaan di bawah Akta yang dicadangkan, bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan dan perlindungan Lembaga, anggotanya dan pegawainya.

BAHAGIAN VI

29. Bahagian VI Rang Undang-Undang memperkatakan perkara am seperti pembayaran wang yang diterima oleh Lembaga di bawah Akta yang dicadangkan, rayuan, kuasa untuk membuat peraturan dan kuasa Menteri untuk membuat ubah suaian kepada mana-mana undang-undang sedia ada bagi mengelakkan anomali.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U³)2185]